

## ANALISIS PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN DI SELANGOR 2011-2016

Siti Khadijah Abdul Wahid<sup>1</sup>

### Abstrak

Artikel ini membuat penilaian terhadap rekod pendaftaran perkahwinan dan perceraian di Selangor antara tahun 2011 hingga 2016, dan aduan rumah tangga antara tahun 2011 hingga 2015. Dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan kursus pra perkahwinan Islam dan program pasca perkahwinan perlu dinilai untuk penambahbaikan dari semasa ke semasa dengan mengambilkira isu-isu aduan rumah tangga atau data perceraian yang dikenalpasti. Perkhidmatan Rundingcara Keluarga juga hanya wujud di JAIS atau PAID sahaja dan tiada di Mahkamah Syariah yang menimbulkan kesan lanjutan lain. Selanjutnya, beberapa syor dikemukakan kepada agensi yang terlibat dalam mencari solusi terbaik menangani isu kadar perceraian yang tinggi.

**Kata kunci:** perkahwinan, perceraian, aduan rumah tangga, Jabatan Agama Islam Selangor, Pejabat Agama Islam Daerah

### *ANALYSIS OF MARRIAGE AND DIVORCE IN SELANGOR 2011-2016*

### *Abstract*

*This article examines the record of marriage and divorce registrations in Selangor between 2011 and 2016, and domestic complaints between 2011 and 2015. The finding shows that implementation of Islamic pre-marriage courses and post-marriage programs should be evaluated for improvement from time to time taking into consideration reports of domestic complaints and divorce cases. Family Consultation Services also exist only in JAIS or PAID and are not available in the Shariah Courts which have further consequences. Further, some recommendations are made to agencies involved in finding the best solution to the issue of high divorce rates.*

**Keywords:** *marriage, divorce, domestic complaints, Selangor's Department of Islamic Affairs; District Islamic Religious Office*

---

<sup>1</sup> Siti Khadijah Abdul Wahid adalah Penolong Pengarah di Seksyen Pemodenan Ratifikasi Daftar, Unit Pengurusan Nikah, Cerai dan Rujuk, Bahagian Undang-undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor. E-mel: khatijah@jais.gov.my

## **Pendahuluan**

Penulisan ini adalah satu hasil analisis data daripada rekod atau dokumen dan statistik yang disediakan oleh Bahagian Undang-undang Keluarga (BUUK), JAIS dari semua Pejabat Agama Islam Daerah (PAID). Sehubungan itu, ia merangkumi sembilan (9) Daerah di Negeri Selangor meliputi Petaling, Hulu Langat, Klang, Gombak, Kuala Langat, Sepang, Kuala Selangor, Hulu Selangor dan Sabak Bernam. Penulisan ini sangat penting kepada agensi agama dalam merangka program yang lebih baik dan berimpak tinggi kepada masyarakat Islam dalam memartabatkan Islam sebagai Agama dan panduan hidup.

Berdasarkan laporan bancian penduduk 2016<sup>2</sup> mengikut agama, populasi penduduk di negeri Selangor adalah antara yang tertinggi di mana pertumbuhannya sebanyak 66.72 peratus daripada keseluruhan penduduk Malaysia berjumlah 31,187,265 orang yang beragama Islam. Berbanding bancian tahun 2010<sup>3</sup> penduduk negeri Selangor yang beragama Islam hanya sebanyak 57.9 peratus iaitu pertambahan sebanyak 8.82 peratus dari tahun 2010 hingga tahun 2016.

Rekod perkahwinan yang didaftarkan di negeri Selangor juga menunjukkan peningkatan dan pengurangan yang seimbang antara tahun 2011 hingga 2016. Perkembangan ini baik dari aspek memenuhi tuntutan Sunnah Nabi SAW yang menggalakkan umatnya berkahwin dan yakin kepada keperluan institusi rumah tangga yang sah.

Dalam pada itu, negeri Selangor juga dilaporkan mencatat rekod perceraian yang tinggi di mana kadar perceraian tahun 2016 di Negeri Selangor kira-kira separuh iaitu 12,570 daripada jumlah perkahwinan didaftarkan di antara 24,000 hingga 26,000 perkahwinan<sup>4</sup>. Ahmad Yunus Hairi, Exco Hal Ehwal Agama Islam, Jawatankuasa Adat Melayu, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi ketika itu, menyatakan kekusaran Kerajaan Selangor terhadap situasi tersebut kerana lima puluh (50) peratus

---

<sup>2</sup> Wikipedia, "Religion in Malaysia", dicapai pada 4 Disember 2017, [https://en.wikipedia.org/wiki/Religion\\_in\\_Malaysia](https://en.wikipedia.org/wiki/Religion_in_Malaysia);

<sup>3</sup> Wikipedia, "Selangor", dicapai pada 4 Disember 2017, <https://ms.m.wikipedia.org/wiki/Selangor>;

<sup>4</sup> Nazli Ibrahim, "Kadar Perceraian Cecah Separuh Jumlah Perkahwinan," laman sesawang Selangor Kini, dicapai pada 4 Disember 2017. <https://selangorkini.my/2017/08/kadar-perceraian-cecah-separuh-jumlah-perkahwinan>

daripada perceraian melibatkan tempoh perkahwinan antara tiga (3) hingga lima (5) tahun. Beliau berucap sempena Karnival Kampung Kesayanganku di Kampung Parit Baru, Sabak Bernam pada 20 Ogos 2017, di mana dari jumlah perkahwinan berdaftar itu juga separuh daripadanya berakhir dengan perceraian di bawah tempoh perkahwinan sepuluh (10) tahun<sup>5</sup>.

Dalam pada itu, kajian oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN),<sup>6</sup> mendapati tempoh lima (5) tahun pertama perkahwinan disifatkan paling mencabar dalam kalangan penduduk Malaysia kerana amat berisiko untuk berlakunya perceraian di mana satu pertiga daripada kes perceraian berlaku dalam tempoh tersebut. Kajian LPPKN juga mendapati lelaki yang bercerai di bawah tempoh lima (5) tahun adalah 35.4 peratus, manakala perempuan pula adalah 37.3 peratus. Keadaan ini berbeza dengan pasangan yang berkahwin antara lima belas (15) hingga dua puluh (20) tahun ke atas, di mana perceraian hanya dalam lingkungan sepuluh (10) peratus. Data ini turut menunjukkan perkahwinan dalam tempoh lima (5) hingga sembilan (9) tahun terdapat 23.4 peratus lelaki bercerai, manakala 26 peratus adalah wanita; sepuluh (10) hingga empat belas (14) tahun perkahwinan terdapat 24.7 peratus lelaki bercerai dan 16.5 peratus perempuan bercerai; lima belas (15) hingga sembilan belas (19) tahun perkahwinan terdapat 9.2 peratus lelaki bercerai dan 10.2 peratus perempuan bercerai dan dua puluh (20) tahun tempoh perkahwinan ke atas terdapat 7.3 peratus lelaki bercerai dan 10 peratus perempuan bercerai.

Pelbagai kaedah dan pendekatan bagi mendepani permasalahan rumah tangga antaranya kursus pra perkahwinan, pasca perkahwinan, seminar atau forum berkaitan kekeluargaan telah dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) di seluruh Malaysia, namun kes perceraian sentiasa meningkat dari tahun ke tahun.

Analisis ini adalah untuk menjelaskan kedudukan sebenar perkahwinan dan perceraian yang berlaku di negeri Selangor yang didaftarkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Justeru, objektif analisis ini adalah untuk membuat penilaian:

---

<sup>5</sup> *Ibid.*

<sup>6</sup> Berita Harian Rabu, 16 Ogos 2017 Laporan Khas, 22.

1. terhadap rekod pendaftaran perkahwinan dan perceraian antara tahun 2011 hingga 2016;
2. terhadap aduan rumah tangga antara tahun 2011 hingga 2015 (tempoh perkahwinan, kategori, keputusan pengendalian); dan
3. pelaksanaan program pembangunan keluarga Islam (penyertaan atau keberkesanan program).

### **Kajian Semasa Mengenai Perkahwinan dan Perceraian**

Dalam penulisan atau kajian terdahulu berkaitan tajuk perkahwinan dan perceraian sememangnya banyak dan mudah diperolehi. Cuma yang membezakannya adalah lokaliti kajian atau sasaran kajian yang berbeza atau tempoh kajian diperlukan. Sebagai contoh kajian bertajuk “Masalah Perceraian di Kalangan Masyarakat Islam di Sabah: Satu Kajian di Daerah Tawau”, membincangkan tentang isu perceraian yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Daerah Tawau, Sabah. Kajian dilakukan bertujuan mencari antara punca perceraian, kadar dan bilangan perceraian yang berlaku di mahkamah, kesan-kesan daripada perceraian serta mencadangkan langkah bagi mengatasi masalah perceraian dalam kalangan masyarakat Islam di Tawau, Sabah. Pengabaian tanggungjawab didapati antara faktor berlaku masalah perceraian seperti suami meninggalkan isteri tanpa berita.<sup>7</sup>

Kajian oleh Abe Sohpihan Abdul Rahman et.al,<sup>8</sup> pula menjelaskan beberapa faktor yang dikenal pasti menjadi punca utama primer dan sekunder berlakunya perceraian di Mukah, Sarawak.

Dalam pada itu, kajian disertasi Yayuk Nurhaeni<sup>9</sup> menyatakan dari faktor kemiskinanlah (faktor primer) menyebabkan berkembangnya faktor lain yang bersifat sekunder

---

<sup>7</sup> Sabariah Baharum, “Masalah Perceraian di Kalangan Masyarakat Islam di Sabah: Satu Kajian di Daerah Tawau” (Laporan Kajian Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya, 1989).

<sup>8</sup> Abe Sohpihan Abdul Rahman, et al., “Faktor Perceraian di Mahkamah Syariah Bahagian Mukah, Sarawak dari Tahun 2000 hingga 2010”, *Jurnal Islamiyyat* 36, no. 1 (2014): 5-20.

<sup>9</sup> Yayuk Nurhaeni, “Kemiskinan Sebagai Faktor Perceraian Masyarakat Gunungkidul: Studi Kasus Pengadilan Agama Wonosari 2005-2007” (Skripsi Sarjana di Fakultas Syari’ah, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta, 2008).

berlakunya perceraian di mana pengkaji juga membongkar kemiskinan dalam pelbagai aspek dan dimensi.

Di samping itu, penulis Zahirul Khairul<sup>10</sup> mendedahkan berkaitan kadar perceraian dari tahun 2004 hingga 2012 bahawa terjadinya 1 kes perceraian untuk setiap 15 minit dan pelbagai punca yang menyebabkan terjadinya perceraian seperti tiada persefahaman, campur tangan mertua, ketagihan dadah dan sebagainya.

Dalam pada itu, menurut Noor Syaibah Shabuddin et.al,<sup>11</sup> menjelaskan bahawa perceraian merupakan satu fenomena global yang berlaku dalam institusi perkahwinan di seluruh dunia yang mencatatkan peningkatan di samping membincangkan faktor-faktor perceraian yang berlaku dalam kalangan pasangan dewasa pertengahan. Selain itu, kaedah perceraian, kesan perceraian terhadap psikologi individu, pandangan terhadap institusi perkahwinan dan juga penyesuaian dan masa depan selepas perceraian turut diketengahkan. Hasil kajian menunjukkan terdapat lapan (8) faktor yang dikenalpasti menjadi penyumbang kepada peningkatan kadar perceraian dalam kalangan pasangan dewasa pertengahan iaitu; faktor personaliti, masalah seksualiti, komunikasi, campur tangan pihak ketiga, penyalahgunaan dadah, kurang didikan agama, pengabaian tanggungjawab, dan faktor ditinggalkan pasangan. Penemuan baru yang dikenalpasti dalam kajian ini antaranya faktor gangguan sihir yang dilihat turut menyumbang kepada perceraian dalam kalangan dewasa pertengahan.

Justeru, semua dapatan berkaitan faktor perceraian antara pasangan mempunyai sebab-sebab yang munasabah dan wajar serta perceraian boleh menjadi mekanisme penyelesaian satu-satu masalah dalam hubungan suami isteri yang sukar.

### **Kaedah dalam Analisis dan Penulisan**

Data bagi penulisan ini diperolehi menggunakan metode dokumentasi. Data kuantitatif berkaitan statistik rekod

---

<sup>10</sup> Zahirul Khairul, "Statistik Perceraian di Malaysia", laman sesawang Academia, [https://www.Academia.Edu/30404982/Statistik\\_Perceraian\\_Di\\_Malaysia](https://www.Academia.Edu/30404982/Statistik_Perceraian_Di_Malaysia).

<sup>11</sup> Noor Syaibah Shabuddin et al., "Perceraian dalam Kalangan Pasangan Dewasa Pertengahan di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat (PAIDHL): Eksplorasi Faktor", *Jurnal Sains Sosial* 1 (2016), 36-52.

perkahwinan dan perceraian mengikut tahun, daerah, aduan rumah tangga (tempoh perkahwinan, kategori jenis aduan, keputusan pengendalian aduan) dan pelaksanaan program pembangunan keluarga (kursus pra perkahwinan, kursus pasca perkahwinan Islam fasa bulan madu (5 tahun ke bawah) diperolehi menerusi rekod dan dokumen yang disediakan oleh Bahagian Undang-Undang Keluarga, JAIS seterusnya dianalisis secara manual.

### **Rekod Perkahwinan di Selangor**

Merujuk Jadual 1 di bawah memberi indikasi, rekod perkahwinan yang didaftarkan antara tahun 2011 hingga 2016 di Pejabat-pejabat Agama Islam Daerah di negeri Selangor secara umumnya menunjukkan peningkatan setiap tahun. Walaupun pada tahun 2015 ke 2016, didapati rekod perkahwinan menurun daripada 22,911 orang kepada 22,709 orang iaitu pengurangan sebanyak 202 orang atau 0.9 % yang masih pada tahap rendah.

Jadual 1: Rekod Perkahwinan di Selangor 2011-2016

Tahun	Perkahwinan
2011	17,416
2012	19,816
2013	20,200
2014	21,476
2015	22,911
2016	22,709
Jumlah	124,528

(Sumber: Jabatan Agama Islam Selangor)

Berdasarkan rekod perkahwinan negeri Selangor mengikut daerah pula, antara tahun 2011 hingga 2016 merujuk Jadual 2 di bawah menunjukkan, Daerah Petaling/ Shah Alam mencatatkan rekod perkahwinan yang paling tinggi iaitu sebanyak 4,672 orang pada tahun 2011 meningkat kepada 5,785 orang pada tahun 2015 dan menurun sedikit kepada 5,607 orang pada tahun 2016. Daerah Sepang pula menunjukkan rekod perkahwinan yang paling rendah iaitu tahun 2011 hanya seramai 615 orang meningkat kepada 1,828 orang pada tahun 2015 dan menurun semula kepada 928 orang pada tahun 2016.

Jadual 2: Rekod Perkahwinan Mengikut Daerah 2011-2016

	2011	2012	2013	2014	2015	2016
S. Alam	4,672	5,177	5,425	5,330	5,785	5,607
Gombak	2,786	3,141	2,885	3,328	3,284	3,094
S. Bernam	1,020	1,065	1,142	1,328	1,147	1,153
K. Selangor	1,311	1,417	1,484	1,550	1,574	1,651
Klang	2,607	3,167	3,219	3,363	3,553	3,409
K. Langat	1,167	1,256	1,315	1,314	1,641	1,387
Sepang	615	768	710	842	1,828	928
H. Langat	2,337	2,813	2,908	3,463	4,063	3,846
H. Selangor	901	1,012	1,112	1,176	1,237	1,282
Jumlah	17,416	19,816	20,200	21,694	24,112	22,357

(Sumber: Jabatan Agama Islam Selangor)

Faktor penurunan ini kemungkinan kerana jumlah penduduk Islam yang belum berkahwin semakin meningkat di samping perkahwinan pertama berlaku ketika diusia lewat. Faktor kelewatan berkahwin juga melibatkan dua pihak sama ada lelaki atau perempuan yang mencecah umur sehingga tiga puluh (30) tahun sama ada kerana ingin mengejar kerjaya, sukar mendapatkan pasangan yang sesuai, melanjutkan pelajaran dan yang paling serius anggapan perkahwinan sebagai satu bebanan.

Meneliti pula kedudukan lokasi bandar, pinggir bandar atau luar bandar, mendapati daerah dalam kawasan bandar seperti Petaling Jaya/ Shah Alam, Hulu Langat Gombak dan Klang menunjukkan jumlah perkahwinan didaftarkan sebanyak 19,430 orang, manakala kawasan pinggir bandar seperti Sepang, Kuala Langat sebanyak 13,771 orang dan luar bandar seperti Kuala Selangor, Hulu Selangor dan Sabak Bernam pula sebanyak 22,562 orang antara tahun 2011 hingga 2016. Ini menunjukkan kawasan luar bandar lebih tinggi bilangan pendaftaran perkahwinan diikuti kawasan bandar dan pinggir bandar. Kedudukan ini menunjukkan kebanyakan mereka yang masih bujang walaupun tinggal di bandar atau pinggir bandar adalah kerana faktor kerjaya di mana antara tempoh 2010 hingga 2011 sebanyak 21.9 peratus mereka berhijrah namun mereka berasal dari luar bandar dan ibu bapa juga masih menetap di luar bandar.

### Rekod Perceraian di Selangor

Semakan berdasarkan rekod perceraian yang didaftarkan di negeri Selangor pula mendapati untuk tempoh enam (6) tahun antara 2011 hingga 2016, rekod perceraian jelas menunjukkan peningkatan setiap tahun berdasarkan Jadual 3 di bawah. Walau bagaimanapun rekod perceraian sebenar untuk tahun 2016 hanya 8,823 kes (2016) tidak seperti yang dilaporkan sebelum ini iaitu sebanyak 12,570 kes (2016) iaitu hanya 39 peratus daripada perkahwinan yang didaftarkan sebanyak 22,709 kes pada tahun yang sama.

Jadual 3: Rekod Perceraian di Selangor 2011-2016

Tahun	Perkahwinan
2011	5,791
2012	6,049
2013	6,198
2014	6,890
2015	8,181
2016	8,823
Jumlah	41,932

(Sumber: Jabatan Agama Islam Selangor)

Berdasarkan Jadual 4 di bawah, kadar perceraian paling tinggi melibatkan kawasan Lembah Klang iaitu daerah Petaling Jaya/ Shah Alam iaitu sebanyak 1,529 kes (2011), 1,752 kes (2012), 1,804 kes (2013), 1,842 kes (2014); 2,132 kes (2015) dan 2,280 kes (2016), disusuli daerah Hulu Langat, Gombak dan Klang. Faktor kepadatan penduduk dan kepesatan pembangunan tidak seimbang (masalah sosial, kerjaya dan komunikasi) di daerah Petaling Jaya/ Shah Alam, Hulu Langat, Gombak dan Klang boleh menjadi sebab kepada peningkatan kes perceraian di samping kesedaran dan literasi atau celik undang-undang berkaitan prosedur perceraian dan hak-hak semasa perceraian bertambah baik dalam kalangan masyarakat Islam. Bahagian Sokongan Keluarga (BSK), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah menganjurkan memberi khidmat nasihat literasi undang-undang berkaitan kebajikan wanita dan keluarga.

Bagi daerah yang menunjukkan rekod perceraian rendah berbanding daerah lain seperti Sabak Bernam, Sepang, Hulu Selangor, Kuala Selangor dan Kuala Langat namun jumlah perceraian tetap juga meningkat dan bertambah antara tahun 2014

hingga 2016. Ini kerana masalah ekonomi di luar bandar juga antara sebab berlakunya pengabaian tanggungjawab dan masalah rumah tangga termasuk perceraian. Ini juga dibuktikan oleh kajian Yayuk Nurhaeni<sup>12</sup>.

Jadual 2: Rekod Perceraian Mengikut Daerah 2011-2016

	2011	2012	2013	2014	2015	2016
S. Alam	1,529	1,752	1,804	1,842	2,132	2,280
Gombak	1,017	985	1,032	1,168	1,347	1,435
S. Bernam	194	204	174	204	231	317
K. Selangor	288	335	335	404	437	488
Klang	938	962	1,089	1,016	1,122	1,232
K. Langat	252	265	339	402	402	481
Sepang	239	229	264	316	341	389
H. Langat	1,030	1,010	866	1,204	1,753	1,775
H. Selangor	304	307	295	334	416	426
Jumlah	5,791	6,049	6,198	6,890	8,181	8,823

(Sumber: Jabatan Agama Islam Selangor)

Kes perceraian yang berlaku dalam kalangan pasangan suami dan isteri dan pendekatan yang diaplikasi mungkin berbeza di antara satu tempat dengan tempat yang lain<sup>13</sup>. Penulis memahamkan kenyataan tersebut setelah meneliti beberapa dapatan kajian sebelum ini mendapati faktor utama penyebab perceraian di antara satu negeri dengan negeri yang lain berbeza dan boleh berubah mengikut tahun sebagai contoh faktor pengabaian tanggungjawab dan suami meninggalkan isteri tanpa berita merupakan faktor utama berlakunya perceraian di daerah Tawau pada tahun 1989<sup>14</sup>, pada tahun 2011 pula mendapati keadaan ekonomi keluarga yang tidak kukuh serta kurang pengetahuan agama telah menjadi faktor utama perceraian di

<sup>12</sup> Yayuk Nurhaeni, "Kemiskinan Sebagai Faktor Perceraian Masyarakat Gunungkidul," 96.

<sup>13</sup> Mariam Abd. Majid dan Mohammad Syafirul Zarif Saleh Hudin, "Perceraian Rumah Tangga di Negeri Selangor Darul Ehsan dan Pendekatan Menanganinya", laman sesawang Pusat Pengurusan Penyelidikan, dicapai pada 16 Oktober 2018, <http://rmc.kuis.edu.my/jpi/wp-content/uploads/2017/10/PM-DR-MARIAM-285-303.pdf>;

<sup>14</sup> Sabariah Baharum, "Masalah Perceraian di Kalangan Masyarakat Islam di Sabah: Satu Kajian di Daerah Tawau".

Sabah, manakala kajian di daerah Mukah<sup>15</sup> antara tahun 2000 hingga 2010 pula mendapati kegagalan suami memberi nafkah (zahir atau batin) kepada isteri menjadi faktor paling utama berlakunya perceraian. Justeru, dalam konteks negeri Selangor juga faktor utama menyumbang kepada perceraian berlainan antara daerah dengan satu daerah yang lain mengikut kedudukan lokasi sama ada bandar, pinggir bandar atau luar bandar melibatkan aspek sosioekonomi, sosiobudaya, komunikasi mahupun spiritual.

## Aduan Rumah Tangga di Selangor 2011-2015

### i) Tempoh Perkahwinan

Berdasarkan Jadual 5 di bawah juga menunjukkan daerah Petaling/Shah Alam mendahului jumlah tertinggi rekod aduan rumah tangga untuk tempoh perkahwinan antara 5 hingga 10 tahun, diikuti Hulu Langat, Klang dan Gombak di mana capaian kepada informasi dan rujukan mudah diperolehi.

Jadual 5: Aduan Rumah Tangga – Tempoh Perkahwinan

PAID	Tempoh Perkahwinan						
	< 1	1-5	6-10	11-15	16-20	21-25	26 >
Ibu Pejabat	35	90	64	51	15	13	8
Petaling	540	2,034	1,279	764	528	293	237
Gombak	167	1,065	758	468	379	219	271
S. Bernam	55	232	139	91	73	55	57
K. Selangor	39	180	141	93	65	23	35
Klang	283	1,884	1,517	978	646	362	350
K. Langat	41	367	306	213	135	72	38
Sepang	42	250	220	153	110	47	36
H. Langat	367	1,921	1,564	988	756	519	436
H. Selangor	72	527	381	205	168	112	76
Jumlah	1,606	8,460	6,305	3,953	2,860	1,702	1,536

(Sumber: Jabatan Agama Islam Selangor)

Dapatan berkenaan juga mendapati tempoh perkahwinan antara lima (5) hingga sepuluh (10) tahun menunjukkan jumlah

<sup>15</sup> Abe Sohpihan Abdul Rahman, Zuliza Mohd Kusrin, dan Anwar Fakhri Omar, "Faktor Perceraian di Mahkamah Syariah Bahagian Mukah, Sarawak dari Tahun 2000 hingga 2010," *Islamiyyat* 36:1 (2014), 5-20.

tertinggi yang hadir ke JAIS atau Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) untuk mendapatkan khidmat nasihat kekeluargaan.

**ii) Kategori Jenis Aduan**

Kategori jenis aduan antara tahun 2011 hingga 2015 yang diperolehi daripada semua daerah mendapati tidak bertanggungjawab merupakan aduan utama yang tertinggi yang dikemukakan kepada JAIS atau PAID iaitu sebanyak 10,260 daripada keseluruhan kes, diikuti perbezaan budaya (perkahwinan campur) sebanyak 7,353 kes seperti perkahwinan silang budaya atau berlainan negara, masalah kerjaya sebanyak 4,798 kes, campurtangan pihak ketiga sebanyak 4,697 kes dan masalah komunikasi sebanyak 2,429 kes serta lain-lain kategori termasuk lemah didikan agama, masalah seksual, masalah kesihatan juga masalah akhlak. sosial. Tidak bertanggungjawab boleh berpunca dari masalah sosio ekonomi yang tidak kukuh (masalah kerjaya, komunikasi, pengabaian nafkah dan akhlak)

Jadual 6: Aduan Rumah Tangga – Kategori Jenis Aduan

PAID	Kategori Jenis Aduan									
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
Ibu Pejabat	139	29	56	4	6	1	1	1	15	26
Petaling	1,947	508	1,307	27	151	561	99	68	1,345	2,660
Gombak	1,040	289	569	33	71	210	69	53	583	720
S. Bernam	539	307	245	40	35	110	76	75	298	206
K. Selangor	298	49	160	11	12	59	37	5	110	175
Klang	2,741	438	981	8	32	60	24	22	1,440	1,416
K. Langat	245	86	130	25	47	126	42	37	148	241
Sepang	458	30	174	1	8	17	4	6	68	96
H. Langat	2,932	460	834	76	115	215	79	76	545	1,668
H. Selangor	599	262	297	2	15	55	32	19	261	171
<b>Jumlah</b>	<b>10,260</b>	<b>2,429</b>	<b>4,697</b>	<b>223</b>	<b>486</b>	<b>1,413</b>	<b>462</b>	<b>361</b>	<b>4,798</b>	<b>7,353</b>

Keterangan Kategori Jenis Aduan:

1	tidak bertanggungjawab	6	masalah ekonomi
2	masalah komunikasi	7	masalah seksual
3	campur tangan pihak ketiga	8	masalah kesihatan
4	masalah akhlak/ sosial	9	masalah kerjaya
5	lemah didikan agama	10	perbezaan budaya

(Sumber: Jabatan Agama Islam Selangor)

Bagi kawasan bandar meliputi Petaling Jaya/ Shah Alam, Hulu Langat, Gombak dan Klang jelas menunjukkan tidak

bertanggungjawab antaranya, pengabaian nafkah, meninggalkan isteri tanpa berita, tidak menyempurnakan hak masing-masing menjadi elemen utama aduan rumah tangga dikemukakan kepada JAIS atau PAID. Antara kawasan bandar, pinggir bandar mahupun luar bandar aduan tidak bertanggungjawab sama ada suami atau isteri menjadi punca utama perceraian walaupun dari sudut angka berbeza tetapi dari aspek bilangan yang banyak untuk satu-satu lokasi dilihat ketara.

### iii) Keputusan Pengendalian Aduan

JAIS juga mengambil inisiatif mewujudkan perkhidmatan untuk pengendalian aduan atau Khidmat Rundingcara Kekeluargaan bagi individu atau pasangan yang berhasrat mendapatkan khidmat nasihat kekeluargaan bagi mendapatkan penyelesaian untuk berdamai atau mengemukakan isu kepada Mahkamah Syariah antara pasangan terbabit.

Jadual 7: Keputusan Pengendalian Aduan

PAID	Keputusan Pengendalian Aduan		
	Selesai	Dalam Proses	Mahkamah
Ibu Pejabat	135	33	51
Petaling	26	3,726	130
Gombak	584	2,141	618
S. Bernam	70	187	59
K. Selangor	136	327	61
Klang	355	3,376	707
K. Langat	332	522	142
Sepang	163	550	113
H. Langat	375	4,888	1,034
H. Selangor	285	634	401
Jumlah	2,326	16,351	3,265

(Sumber: Jabatan Agama Islam Selangor)

Berdasarkan data yang diperolehi dari tahun 2011 hingga 2015, kes yang dapat diselesaikan sebanyak 2,326 kes dan kes dikemukakan ke Mahkamah Syariah pula sebanyak 3,265 kes. Walau bagaimanapun masih terdapat sebanyak 16,326 masih dalam proses runding cara. Situasi ini menggambarkan bahawa banyak permasalahan dalam keluarga memerlukan kerjasama banyak pihak untuk mencari penyelesaian, bagi lelaki sebagai suami atau bapa wajar melaksanakan tanggungjawab dan peranan

sebaiknya begitu juga wanita selaku isteri dan ibu pertingkatkan ilmu dan pengetahuan sesuai dengan perkembangan semasa yang lebih mencabar. Tekanan mendepani kemelesetan ekonomi dalam keluarga juga memerlukan pihak berautoriti tampil ke hadapan memberi solusi yang berkesan. Negeri Selangor berdasarkan maklumat mempunyai bilangan penduduk lebih ramai dan taraf hidup antara yang sangat tinggi di samping kadar kemiskinan paling rendah di Malaysia.

## Program Pembangunan Keluarga

### i) Kursus Pra Perkahwinan Islam

Daripada Kursus Pra Perkahwinan Islam yang dianjurkan melalui Bahagian Undang-Undang Keluarga, JAIS dan Pejabat Agama Islam Daerah berdasarkan Jadual 8 mendapati penyertaan peserta lelaki dan perempuan secara keseluruhan masih pada tahap yang memuaskan walaupun bagi daerah seperti Sepang, Kuala Langat, Kuala Selangor, Sabak Bernam dan Hulu Selangor rendah sesuai dengan lokaliti kepadatan dan tumpuan penduduk yang memilih bandar atau pinggir bandar sebagai pilihan untuk mengikuti kursus tersebut.

Jadual 8: Kehadiran Peserta ke Kursus Pra Perkahwinan Islam

PAID	Keke- rapan	2016		Keke- rapan	2017	
		L	P		L	P
Ibu Pejabat	38	1,875	1,973	30	1,653	1,660
Petaling	41	2,522	2,325	30	2,324	2,127
Gombak	32	1,172	1,099	23	797	729
S. Bernam	14	421	388	10	335	357
K. Selangor	23	921	857	9	479	452
Klang	42	2,410	2,220	35	2,028	1,808
K. Langat	21	845	816	16	624	524
Selangor	14	508	423	9	383	329
H. Langat	38	1,761	1,709	32	1,562	1,487
H. Selangor	16	807	632	14	686	568
Jumlah	279	13,242	12,442	208	10,871	10,041

(Sumber: Jabatan Agama Islam Selangor)

### ii) Kursus Pasca Perkahwinan Islam Fasa Bulan Madu

Sebagai langkah pencegahan, Bahagian Undang-Undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), mengambil

inisiatif dengan mengadakan program khas untuk pasangan yang baru berkahwin atau perkahwinan kurang dari lima (5) tahun seperti kursus pasca perkahwinan yang telah diadakan mengikut zon melibatkan 9 buah daerah iaitu Zon 1 (Klang, Kuala Selangor dan Sabak Bernam; Zon 2 (Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang) dan Zon 3 (Gombak, Hulu Selangor dan Petaling).

Maklum balas daripada peserta yang terlibat di Zon 1 berdasarkan Jadual 9 mendapati majoriti meletakkan pelaksanaan program pada tahap antara baik dan cemerlang melibatkan aktiviti *Ice Breaking*, LDK – Kenali Diri, Pengurusan Kesihatan Keluarga, Pengurusan Kewangan Keluarga, LDK – Masam-masam Manis, Motivasi dan Pengurusan Psikologi, Ibadah dan Pengurusan Stres dalam Rumah Tangga dan LDK – Azam dan Aku Janji.

Jadual 9: Maklum Balas Peserta Zon 1 (Klang, Kuala Selangor dan Sabak Bernam) pada 4-6 November 2017

Aktiviti	Mengecewakan	Kurang baik	Memuaskan	Baik	Cemerlang
<i>Ice Breaking</i>					
Keberkesanan			2	12	8
Fasilitator			2	9	11
Pengisian Program			1	11	10
LDK – Kenali Diri					
Keberkesanan				12	10
Fasilitator				10	12
Pengisian Program				10	12
Pengurusan Kesihatan					
Keberkesanan				12	10
Penceramah				10	12
Pengisian Program				11	11
Pengurusan Kewangan					
Keberkesanan		1	2	14	5
Penceramah		1	3	13	5
Pengisian Program			3	13	6
LDK – Masam Manis					
Keberkesanan				9	13
Fasilitator				8	14
Pengisian Program				8	14

Aktiviti	Mengecewakan	Kurang baik	Memuaskan	Baik	Cemerlang
Motivasi dan Psikologi					
Keberkesanan				7	15
Penceramah				5	17
Pengisian Program				6	16
Ibadah dan Stres					
Keberkesanan				8	14
Penceramah				5	17
Pengisian Program				6	16
LDK – Azam dan Janji					
Keberkesanan				11	11
Fasilitator				7	13
Pengisian Program				10	11

(Sumber: Jabatan Agama Islam Selangor)

Maklum balas daripada peserta yang terlibat di Zon 2 berdasarkan Jadual 10 juga mendapati majoriti meletakkan pelaksanaan program pada tahap antara baik dan cemerlang melibatkan aktiviti *Ice Breaking*, LDK – Kenali Diri, Pengurusan Kesihatan Keluarga, Pengurusan Kewangan Keluarga, LDK – Masam-masam Manis, Motivasi dan Pengurusan Psikologi, Ibadah dan Pengurusan Stres dalam Rumah tangga dan LDK – Azam dan Aku Janji.

Jadual 10: Maklum Balas Peserta Zon 2 (Hulu Langat, Kuala Langat & Sepang) pada 14-16 Oktober 2017

Aktiviti	Mengecewakan	Kurang baik	Memuaskan	Baik	Cemerlang
<i>Ice Breaking</i>					
Keberkesanan				12	12
Fasilitator			1	10	13
Pengisian Program				10	14
LDK – Kenali Diri					
Keberkesanan				10	14
Fasilitator			1	9	14
Pengisian Program				7	17

Aktiviti	Mengecewakan	Kurang baik	Memuaskan	Baik	Cemerlang
<b>Pengurusan Kesihatan</b>					
Keberkesanan			1	5	18
Penceramah			1	5	18
Pengisian Program				7	17
<b>Pengurusan Kewangan</b>					
Keberkesanan				3	21
Penceramah				3	21
Pengisian Program				3	21
<b>LDK – Masam Manis</b>					
Keberkesanan			2	8	14
Fasilitator			2	8	14
Pengisian Program			2	8	14
<b>Motivasi dan Psikologi</b>					
Keberkesanan				5	19
Penceramah			1	5	18
Pengisian Program				5	19
<b>Ibadah dan Stres</b>					
Keberkesanan				10	14
Penceramah			1	7	16
Pengisian Program				9	15
<b>LDK – Azam dan Janji</b>					
Keberkesanan			1	5	18
Fasilitator			1	4	19
Pengisian Program			1	5	18

(Sumber: Jabatan Agama Islam Selangor)

Maklum balas daripada peserta yang terlibat di Zon 3 berdasarkan Jadual 11 pula mendapati walaupun majoriti meletakkan pelaksanaan program pada tahap antara baik dan cemerlang melibatkan aktiviti *Ice Breaking*, LDK – Kenali Diri, Pengurusan Kesihatan Keluarga, Pengurusan Kewangan Keluarga, LDK – Masam-masam Manis, Motivasi dan Pengurusan Psikologi, Ibadah dan Pengurusan Stres dalam Rumah tangga dan LDK – Azam dan Aku Janji. Namun masih ada yang meletakkan pada tahap kurang memuaskan seramai 19 orang pada pelaksanaan *Ice Breaking*, LDK – Kenali Diri, Pengurusan Kewangan

Keluarga, LDK – Masam-masam Manis dan Ibadah dan Pengurusan Stres dalam Rumah Tangga. Malah ada peserta yang meletakkan pada tahap mengecewakan pada pelaksanaan LDK – Masam-masam Manis.

Jadual 11: Maklum Balas Peserta Zon 3 (Gombak, Hulu Selangor dan Petaling) pada 28-30 Oktober 2017

Aktiviti	Mengecewakan	Kurang baik	Memuaskan	Baik	Cemerlang
<i>Ice Breaking</i>					
Keberkesanan		3	4	8	9
Fasilitator		1	5	11	7
Pengisian Program		3	4	8	9
LDK – Kenali Diri					
Keberkesanan		2	5	8	9
Fasilitator		1	6	7	10
Pengisian Program		2	4	8	10
Pengurusan Kesihatan					
Keberkesanan			2	9	13
Penceramah			1	6	17
Pengisian Program			1	9	14
Pengurusan Kewangan					
Keberkesanan		2	4	5	13
Penceramah		1	2	6	15
Pengisian Program		1	5	5	13
LDK – Masam Manis					
Keberkesanan	1	1	6	8	8
Fasilitator	1		5	8	10
Pengisian Program	2	1	5	8	8
Motivasi dan Psikologi					
Keberkesanan			3	9	12
Penceramah			2	5	17
Pengisian Program			3	6	15
Ibadah dan Stres					
Keberkesanan		1	2	8	13
Penceramah			3	7	14
Pengisian Program			1	8	15

Aktiviti	Mengecewakan	Kurang baik	Memuaskan	Baik	Cemerlang
LDK – Azam dan Janji					
Keberkesanan			6	8	10
Fasilitator			3	9	12
Pengisian Program			5	9	10

(Sumber: Jabatan Agama Islam Selangor)

### Rumusan

Hasil daripada analisis yang dibuat melibatkan sembilan (9) daerah iaitu Petaling Jaya/ Shah Alam, Hulu Langat, Klang, Gombak, Kuala Langat, Sepang Kuala Selangor, Hulu Selangor dan Sabak Bernam mendapati kadar perkahwinan dan perceraian masih menunjukkan pada tahap yang seimbang. Walau bagaimanapun data perceraian yang didaftarkan di negeri Selangor itu tidak semua pendaftaran perkahwinannya dalam negeri Selangor tetapi juga didaftarkan di negeri-negeri lain di Malaysia.

Lebih menarik meneliti punca aduan rumah tangga yang dikemukakan ke JAIS atau PAID berdasarkan sepuluh (10) kategori yang ditentukan didapati punca utama yang menjadi topik utama aduan dilihat berbeza antara daerah dengan satu daerah yang lain melibatkan aspek sosioekonomi, sosiobudaya, komunikasi dan spiritual.

Kursus pra perkahwinan Islam perlu dinilai dari semasa ke semasa dengan mengambil kira isu-isu aduan rumah tangga yang diterima dari semua Pejabat Agama Islam Daerah atau data perceraian dapat dikongsikan kepada peserta kursus. Perkongsian tersebut diharapkan dapat memberi pengetahuan dan pengalaman kepada peserta yang hadir bukan sekadar memenuhi syarat permohonan untuk berkahwin semata-mata. Program pasca perkahwinan juga perlu diperkemas dari semasa ke semasa dalam usaha memantapkan rumah tangga. Pengisian melibatkan mereka yang pakar dalam bidang masing-masing dalam usaha menarik ramai penyertaan dan juga terbuka untuk pasangan berkahwin melebihi tempoh 5 tahun ke atas. Sekalipun program pasca perkahwinan merupakan modul program yang masih baru, namun majoriti peserta yang terlibat di Zon 1 (Klang, Kuala Selangor dan Sabak Bernam; Zon 2 (Hulu Langat, Kuala Langat

dan Sepang) dan Zon 3 (Gombak, Hulu Selangor dan Petaling) memberi maklum balas baik dan cemerlang kepada penganjuran program berkenaan yang melibatkan aktiviti *Ice Breaking*, LDK – Kenali Diri, Pengurusan Kesihatan Keluarga, Pengurusan Kewangan Keluarga, LDK – Masam-masam Manis, Motivasi dan Pengurusan Psikologi, Ibadah dan Pengurusan Stres dalam Rumah tangga dan LDK – Azam dan Aku Janji.

Khidmat Rundingcara Keluarga hanya wujud di JAIS atau PAID sahaja untuk pasangan yang memerlukan khidmat nasihat berkaitan isu rumah tangga. Inisiatif tersebut perlu diperluaskan di peringkat Mahkamah Syariah sekalipun telah wujud sistem hakam dan mitigasi. Situasi sebenar mendapati mana-mana individu atau pasangan yang memfailkan perceraian di mahkamah tidak akan melalui khidmat rundingcara keluarga. Situasi ini dilihat sangat mudah untuk pasangan yang menghadapi masalah rumah tangga untuk memfailkan perceraian mereka. Walau bagaimanapun tidak dinafikan perceraian juga sebagai satu elemen penyelesaian masalah rumah tangga. Berdasarkan dapatan kajian dari tahun 2011 hingga 2015, kes yang dapat diselesaikan sebanyak 2,326 kes dan kes dikemukakan ke Mahkamah Syariah pula sebanyak 3,265 kes. Namun demikian, masih terdapat sebanyak 16,326 kes masih dalam proses rundingcara.

Perintah perceraian pasangan oleh Mahkamah Syariah dan pendaftaran perceraian pasangan di PAID tidak dikuatkuasakan secara berkesan. Akibatnya ramai pasangan yang telah disabitkan bercerai tidak mendaftarkan perceraian mereka di PAID atau bertindak membatalkan surat perakuan perkahwinan mereka selepas diputuskan keputusan bercerai oleh Mahkamah Syariah.

### **Syor**

Dalam menjayakan aktiviti kekeluargaan di negeri Selangor, adalah menjadi keperluan untuk JAIS dan PAID untuk mengambil kira aspek-aspek berikut:

1. Menyediakan data perkahwinan atau perceraian khusus untuk negeri Selangor dengan kerjasama Mahkamah Syariah.
2. Modul-modul Kursus Pra Perkahwinan Islam dinilai keberkesanannya dari semasa ke semasa dengan mengambil kira isu-isu aduan rumah tangga yang diterima dari semua

- Pejabat Agama Islam Daerah atau data perceraian dapat dikongsikan kepada peserta kursus.
3. Program pasca perkahwinan dijalankan untuk jangka masa lebih efektif memandangkan kekangan masa peserta untuk mengikuti secara sepenuhnya dalam tempoh masa yang panjang dan menyediakan ruang nurseri bagi anak-anak pasangan di samping terbuka untuk pasangan berkahwin melebihi tempoh 5 tahun ke atas.
  4. Perintah/ Penghakiman perceraian pasangan oleh Mahkamah dan pendaftaran perceraian pasangan di Pejabat Agama Islam Daerah perlu dikuatkuasakan secara berkesan bagi mengelakkan kes penyelewengan surat nikah.

### **Penutup**

Rekod perkahwinan yang didaftarkan di negeri Selangor menunjukkan peningkatan atau pengurangan yang seimbang antara tahun 2011 hingga 2016. Berdasarkan rekod perkahwinan Negeri Selangor mengikut daerah pula, antara tahun 2011 hingga 2016 menunjukkan, daerah Petaling Jaya/ Shah Alam mencatatkan rekod perkahwinan yang paling tinggi iaitu seramai 31,996 orang. Daerah Sepang pula menunjukkan rekod perkahwinan yang paling rendah hanya seramai 5,691 orang antara tahun 2011 hingga 2016. Walau bagaimanapun secara keseluruhannya, meneliti kepada lokaliti mendapati kawasan luar bandar meliputi Kuala Selangor, Hulu Selangor dan Sabak Bernam menunjukkan bilangan pendaftaran perkahwinan lebih tinggi berbanding kawasan pinggir bandar iaitu Sepang dan Kuala Langat atau bandar iaitu Petaling Jaya/ Shah Alam, Hulu Langat, Gombak dan Klang.

Negeri Selangor juga dilaporkan mencatat rekod perceraian yang tinggi antara tahun 2011 hingga 2016. Kadar perceraian paling tinggi melibatkan kawasan bandar iaitu daerah Petaling Jaya/ Shah Alam iaitu sebanyak 11,339 kes sepanjang antara tahun 2011 hingga 2016, disusuli daerah Hulu Langat, Gombak dan Klang sebanyak 20,981 kes, kawasan pinggir bandar iaitu daerah Sepang dan Kuala Langat sebanyak 3,918 kes serta kawasan luar bandar meliputi daerah Kuala Selangor, Hulu Selangor dan Sabak Bernam sebanyak 5,693 kes. Beberapa faktor dikenalpasti menjadi punca utama perceraian iaitu kepadatan penduduk dan kepesatan pembangunan tidak seimbang, kesedaran dan literasi undang-

undang bertambah baik, masalah ekonomi serta pengabaian tanggungjawab.

Sekali pun pelbagai kaedah dan pendekatan bagi mendepani permasalahan rumah tangga dirangka antaranya kursus pra perkahwinan, pasca perkahwinan, seminar atau forum berkaitan kekeluargaan telah dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) di seluruh Malaysia, namun kes perceraian sentiasa meningkat dari tahun ke tahun. Justeru, penilaian semula modul-modul berkaitan perlu dikaji dari semasa ke semasa bagi memastikan pelaksanaannya menepati objektif setiap kursus.

### **Rujukan**

- Abe Sohpihan Abdul Rahman, Zuliza Mohd Kusrin, dan Anwar Fakhri Omar. "Faktor Perceraian di Mahkamah Syariah Bahagian Mukah, Sarawak dari Tahun 2000 hingga 2010." *Islamiyyat* 36:1 (2014), 5-20.
- Berita Harian* Rabu, 16 Ogos 2017, Laporan Khas, 22
- Mariam Abd. Majid dan Mohammad Syafirul Zarif Saleh Hudin. "Penceraian Rumah Tangga di Negeri Selangor Darul Ehsan dan Pendekatan Menanganinya", laman sesawang *Pusat Pengurusan Penyelidikan*, dicapai pada 16 Oktober 2018, <http://rnc.kuis.edu.my/jpi/wp-content/uploads/2017/10/PM-DR-MARIAM-285-303.pdf>;
- Nazli Ibrahim. "Kadar Penceraian Cecah Separuh Jumlah Perkahwinan," laman sesawang *Selangor Kini*, dicapai pada 4 Disember 2017. <https://selangorkini.my/2017/08/kadar-perceraian-cecah-separuh-jumlah-perkahwinan/>;
- Noor Syaibah Shabuddin et al. "Perceraian dalam Kalangan Pasangan Dewasa Pertengahan di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat (PAIDHL): Eksplorasi Faktor", *Jurnal Sains Sosial* 1 (2016), 36-52.
- Sabariah Baharum. "Masalah Perceraian di Kalangan Masyarakat Islam di Sabah: Satu Kajian di Daerah Tawau". Laporan Kajian Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya, 1989.
- Yayuk Nurhaeni. "Kemiskinan Sebagai Faktor Perceraian Masyarakat Gunungkidul: Studi Kasus Pengadilan Agama Wonosari 2005 – 2007. Skripsi Sarjana di Fakultas Syari'ah, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta, 2008.

Zahirul Khairul. “Statistik Perceraian di Malaysia,” laman sesawang *Academia*, [https://www.Academia.Edu/30404982/Statistik\\_Penceraian\\_Di\\_Malaysia](https://www.Academia.Edu/30404982/Statistik_Penceraian_Di_Malaysia).